

# Lawatan Bersejarah





Perwakilan Malaysia dan China dengan dipimpin oleh Perdana Menteri mereka masing-masing sedang mengadakan perbincangan pertama mereka di Dewan Besar Rakyat di Peking. Perbincangan telah dijalankan dalam suasana persahabatan, di akhirnya mereka telah menyetujui garis-garis besar dari Kenyataan Bersama yang kemudian diperhalusi oleh pegawai-pegawai dari kedua belah pihak.

Gambar atas menunjukkan Tun Razak dan Tuan Chou dengan anggota-anggota perwakilan mereka sebelum memulakan mesyuarat dua jam mereka.

Bendera Negara Malaysia kita berkibar dengan megahnya di puncak bangunan Lapangan Terbang, Peking sementara di bawah kelihatan sebahagian dari beribu-ribu pelajar menyanyikan lagu selamat datang, menari, mengibar bendera dan bunga bagi mengalu-alukan ketibaan Tun Abdul Razak untuk memulakan lawatan bersejarah lima-hari ke Negeri China.

BINTAR





# Lawatan Bersejarah

Esok saya akan berlepas ke Republik Rakyat China kerana mengadakan lawatan rasmi ke negara itu atas undangan Perdana Menteri Chou En-lai. Ini adalah lawatan rasmi yang pertama pernah dilakukan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China dan sudah pasti merupakan satu peristiwa yang penting lagi bersejarah. Sungguhpun begitu, beberapa lawatan tidak rasmi pernah diadakan oleh rombongan perdagangan dan pasukan sukan kedua-dua negara dalam masa tiga tahun yang lalu dan, seperti tuantuan sedia maklum rundingan telah diadakan di New York tahun lalu di mana satu perjanjian pada dasarnya telah dimeterai mengenai penubuhan hubungan diplomat di antara Malaysia dan negeri China. Dengan tercapainya perjanjian itu, jalan bagi saya mengadakan lawatan rasmi ke negeri China adalah terbuka dan saya dengan sukacitanya menerima undangan Perdana Menteri Chou bagi mengadakan lawatan, yang akan mengesah dan memeteraikan perjanjian menubuhkan hubungan diplomat di antara kedua-dua negara.

## Dasar Luar

Lawatan saya ini merupakan kemuncak perubahan dasar luar dan dayausaha yang diambil oleh Kerajaan sejak bulan September 1970. Kita adalah salah sebuah negara yang menyokong kemasukan Republik Rakyat China ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tahun 1971. Dalam dasar luar kita, kita mengamalkan dasar berkecuali dan kerjasama serantau, dan menghulurkan tangan persahabatan kepada semua negara yang ingin bersahabat dengan kita tanpa mengira fahaman politik atau sistem sosial mereka berdasarkan saling hormat menghormati, tidak campurtangan dan hidup bersama.

Access No: 2851 133/82

Class. No:

Tun Abdul Razak melambaikan tangannya dengan gembira dari pintu sebuah kapal terbang khas MAS yang membawanya ke Peking dalam perjalanan terus dari Kuala Lumpur.



Dasar China kita mendapat sokongan rakyat negara ini. Sokongan ini lebih jelas lagi ditunjukkan oleh parti-parti politik dalam Barisan Nasional yang, di samping memberi sokongan penuh kepada dasar Kerajaan itu juga menunjukkan penerimaan mereka terhadap perkembangan-perkembangan keadaan, telah memberi kekuatan kepada Kerajaan mencapai matalamat kita. Oleh itu perwakilan saya ke Republik Rakyat China akan juga mengandungi para wakil dari setiap parti dalam Barisan Nasional untuk menunjukkan perpaduan Kerajaan dan rakyat berthabit dengan dasar China kita.

Saya tidak dapat mengulas di sidang akhbar ini sebarang perkara yang melibatkan hubungan Malaysia - Republik Rakyat China samada soal Taiwan, soal bermastautin di Malaysia, Parti Komunis Malaya, yang menjadi tajuk-tajuk hangat. Saya akan berbuat demikian apabila saya menemui tuan-tuan sekali lagi sekembali saya dari negeri China. Mengenai acara lawatan saya itu, memang menjadi kebiasaan butir-butir mengenainya tidak diberitahu terlebih dahulu, tetapi saya akan mempunyai kesempatan mengadakan rundingan-rundingan rasmi di samping melawat dua buah bandar iaitu Peking dan Shanghai.

## **Bentuk Hubungan Baharu**

Lawatan saya ini merupakan lembaran baharu dalam hubungan di antara kedua-dua negara. Ia sudah pasti akan memberi kesan kepada hubungan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China dan akan memulakan satu bentuk hubungan antarabangsa yang baharu di Asia Tenggara.

Sungguhpun kepentingan lawatan saya dan penubuhan hubungan diplomat dengan negeri China diketahui ramai, saya harap rakyat kita sebagai rakyat yang penuh keyakinan dan berdikari akan menyambut baik peristiwa-peristiwa ini dan mensifatkannya sebagai satu perkembangan yang biasa dalam sejarah kita. Masanya sudah tiba bagi saya mengadakan lawatan muhibbah untuk menyemaikan benih persefahaman dan kepercayaan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China. Saya harap lawatan ini akan menjadi asas persahabatan yang sejati di antara kedua-dua negara dan ia akan mengujudkan keamanan yang berkekalan di rantau sebelah sini.

— Kenyataan Y.A.B. Perdana Menteri,  
Tun Abdul Razak, dalam sidang akhbar  
di Kuala Lumpur pada hari Isnin,  
27 Mei, 1974.



Diiringi oleh Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien, Tun Abdul Razak memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari Tentera Darat, Laut dan Udara China setibanya di Lapangan Terbang Peking. — Kanan.

Di mana-mana pemandangan adalah serupa seperti yang dapat disaksikan dalam dua buah gambar di atas yang memperlihatkan suasana yang wujud di Peking semasa Tun Razak dan perwakilannya tiba.

Perdana Menteri Chou En-lai menyebut tentang lembaran baharu dalam sejarah perhubungan antara China dan Malaysia dalam ucapannya di Majlis Jamuan Makan kerana mengalu-alukan kedatangan Tun Razak.

## **Chou En-lai Mengalu-alukan Perdana Menteri Malaysia**

Kami merasa sangat sukacita bahawa Tuan Yang Terutama Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, mengadakan lawatan rasmi ke negara kami atas undangan. Atas nama Kerajaan dan rakyat China, saya dengan ghairah mengucapkan selamat datang kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan tetamu-tetamu agung Malaysia.

### **Kawasan Aman**

Malaysia adalah sebuah negeri yang indah lagi subur di Asia Tenggara. Rakyat berbagai bangsa Malaysia yang rajin dan berani mempunyai tradisi yang mulia dalam menentang imperialisma dan kolonialisma. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, rakyat Malaysia telah mencapai kejayaan-kejayaan yang baharu dalam memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara. Dalam urusan antarabangsa, Malaysia dengan aktif menyertai gerakan-gerakan negara-negara dunia ketiga dan menentang kehegemonisma dan politik kekuatan kuasa-kuasa besar. Anjuran Kerajaan Malaysia mengenai mewujudkan satu kawasan aman dan berkecuali di Asia Tenggara telah mencerminkan keinginan rakyat serantau ini yang mahu berlepas dari campurtangan dan kontrol dari luar. Ini telah mendapat sokongan dari banyak negara dunia ketiga. Rakyat China dengan tulus ikhlas mengharapkan semoga rakyat Malaysia mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih besar dalam jalan majunya.

### **Dunia Ketiga**

Pada masa kini, rakyat seluruh dunia semakin hari semakin sedar dalam kekacauan besar dan sedang maju dengan langkah-langkah yang besar. Negara-negara dunia



ketiga telah bersatupadu secara lebih luas, dan sedang memainkan peranan yang kian besar dalam hal ehwal antarabangsa. Mereka telah menjadi kekuatan induk dalam usaha rakyat sedunia bersatupadu untuk melawan hegemonisma. Supernegara-supernegara (Negara-Negara Kuasa Besar) sedang mengalami kesulitan samada di dalam mahupun di luar, dan semakin sukar melewati hari-harinya. Perkembangan seluruh situasi antarabangsa adalah berfaedah bagi rakyat sedunia.

Negara-negara Asia Tenggara merupakan bahagian komponen yang penting dari dunia ketiga. Kenyataan masa ini di Asia Tenggara membuktikan bahawa pencerobohan dan ekspensyen dari supernegara-supernegara adalah sumber utama yang mengancam perdamaian dan keselamatan di kawasan Asia Tenggara. Kami yakin seyakini-yakinnya bahawa rakyat Asia Tenggara pasti dapat mengalahkan komplotan supernegara-supernegara dan memelihara kemerdekaan dan kedaulatan masing-masing asalkan menguatkan perpaduan dan mempertahankan perjuangan.

China adalah sebuah negara sosialis yang sedang berkembang dan tergolong dalam dunia ketiga. Rakyat China selamanya menyokong semua bangsa tertindas dan rakyat tertindas dalam perjuangannya yang adil, dan ini merupakan kewajipan internasionalis kami. Dan kami juga berpendapat bahawa sistem sosial sesebuah negara mestilah dipilih dan ditentukan hanya oleh rakyat negara itu sendiri, dan tidak boleh dipaksakan oleh lain-lain negara. Negara-negara yang berlainan sistem sosialnya boleh memperkembangkan hubungan negara berasaskan Lima Prinsip, iaitu saling hormat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah sesebuah

Akhbar-akhbar di Peking telah mengalu-alukan kunjungan Tun Razak dalam rencana pengarangnya dan memberitakan segala acara lawatan sepenuhnya dan secara besar-besaran. Gambar sebelah menunjukkan muka hadapan akhbar 'Harian Rakyat' yang menyiarkan berita dan gambar-gambar di sekitar lawatan Tun Razak.

negara, tidak ceroboh-mencerobohi, saling tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri masing-masing, mempunyai persamaan taraf serta faedah bersama dan hidup bersama dengan aman damai.

Malaysia mencapai kejayaan-kejayaan yang sempurna dan memuaskan dalam lawatan kali ini.

### Persahabatan Tradisional

Di antara rakyat China dan rakyat Malaysia terdapat persahabatan tradisional selama dua ribu tahun lebih. Kedua-dua rakyat kita sentiasa simpati-menyimpati dan sokong-menyokong dalam perjuangan bersama untuk melawan imperialisma dan kolonialisma. Kami dengan sukacita melihat bahawa dalam tahun-tahun kebelakangan ini, persahabatan di antara kedua-dua rakyat China dan Malaysia telah mencapai perkembangan yang baharu. Hubungan perdagangan dan pertukaran lawatan bersahabat di antara kedua-dua negara kita telah bertambah terus menerus. Terujudnya hubungan diplomatik di antara China dan Malaysia adalah sesuai dengan kepentingan-kepentingan rakyat kedua-dua negara China dan Malaysia. Kedua-dua Kerajaan China dan Malaysia telah mencapai persetujuan untuk menjalin hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara dengan melalui permusyawaratan bersahabat dan berdasarkan semangat saling memahami. Dalam rangka lawatan Perdana Menteri Tun Abdul Razak di negara kami kali ini, kedua-dua Kerajaan kita akan mengumumkan secara rasmi perjalinan hubungan diplomatik: ini akan membuka lembaran baharu dalam sejarah hubungan China dan Malaysia. Kerajaan dan rakyat China dengan hangat mengalu-alukan atas ini. Kami mengharapkan semoga lawatan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan tetamu-tetamu agung

Sekarang saya usulkan minum selamat:

- untuk kemakmuran Malaysia dan kesejahteraan rakyatnya;
  - untuk persahabatan rakyat kedua-dua negara China dan Malaysia;
  - untuk kesihatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah;
  - untuk kesihatan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri, Tun Abdul Razak;
  - untuk kesihatan tetamu-tetamu agung Malaysia;
  - untuk kesihatan diplomat-diplomat berbagai negara serta isteri-isteri mereka yang hadir; dan
  - untuk kesihatan sahabat-sahabat dan kawan-kawan yang hadir.
- **Perdana Menteri, Chou-En-lai, dalam Majlis Makan meraikan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, di Dewan Besar Rakyat, Peking, pada 28 Mei, 1974.**



## Tun Abdul Razak Membalas Ucapan

Saya sungguh gembira dan mengucapkan berbilang-banyak terimakasih atas jemputan tuan melawat negara yang terkenal ini dan juga sangat berterimakasih atas sambutan yang hangat dan meriah kepada saya dan rombongan saya semasa sampai tadi. Kata-kata pujian sebentar tadi adalah satu penghormatan kepada negara kami serta seluruh rakyat Malaysia.

Kunjungan saya ke Peking ini tidak syak lagi menjalin dan membarui tali perhubungan yang sedia ada antara rakyat kedua negara. Selama beberapa tahun ini, tidak ada hubungan secara rasmi antara Malaysia dan Republik Rakyat China oleh kerana peristiwa-peristiwa politik yang lalu. Namun, dalam tiga tahun lepas ini, terdapat pertemuan yang semakin bertambah terutama di bidang perdagangan dan sukan. Hari ini, dengan kunjungan saya ke mari, akan termeterailah hubungan diplomatik antara kedua negara kita.

Di masa-masa yang lampau, terdapat rintangan-rintangan fizikal terhadap hubungan antara rakyat kita dan juga di pihak Kerajaan. Rintangan-rintangan ini sebenarnya hanyalah pada perasaan sahaja disebabkan kurang pengertian dan kesangsian yang mempengaruhi fikiran kita. Rintangan dan halangan ini mesti dirubuhkan supaya rakyat kita dapat menjalin semula tali perhubungan yang berkekalan. Oleh yang demikian, perintis-perintis jalan baharu ini hendaklah mempunyai sikap yang realistik dan

Sebahagian dari tetamu-tetamu mendengar ucapan Tun Razak dalam Majlis Jamuan Makan yang diberikan oleh Tun Razak bagi meraikan pemimpin-pemimpin China di Peking.

imaginative agar dapat menghadapi cabaran dan peluang yang ada di hadapan mereka. Saya percaya sikap dan pandangan inilah juga yang mendorong kedua-dua Kerajaan kita untuk menjalin perhubungan kedua negara kita.

### **Kebanggaan Kami**

Negara kami Malaysia boleh dikatakan sebuah negara yang muda lagi kecil pula. Tetapi kami, seperti juga negara China yang lama dan luas wilayahnya serta ramai penduduknya, menjunjung rasa kebanggaan yang dalam terhadap kebebasan dan kemerdekaan. Seperti negara ini yang telah berusaha zaman berzaman menyatupadukan rakyatnya, kami juga berbangga dengan perpaduan rakyat kami yang berbilang bangsa, bahasa dan kebudayaan. Kedua-dua negara kita mempunyai hasrat dan cita-cita yang sama iaitu keamanan, kebebasan dan keadilan. Kita sedang berusaha memberikan taraf kehidupan yang lebih baik serta mertabat yang sewajarnya untuk rakyat. Saya percaya cita-cita yang sama ini akan menjadi lebih nyata dengan adanya hubungan antara kedua negara.

Bagaimanapun, tentulah ada perbezaan antara kita. Namun, saya berpendapat perbezaan ideologi, perbezaan jumlah penduduk dan perbezaan pandangan terhadap masalah-masalah internasional tidak menjadi halangan untuk memupuk hubungan yang manfaat dan kerjasama antara negara kita atas dasar saling menghormati, persamaan taraf dan hidup bersama dalam keamanan. Negara kami Malaysia sedia bersahabat dengan semua negara yang menghormati kami dan ingin bersahabat dengan kami, tidak kira ideologi politik atau sistem ekonominya. Dengan semangat inilah saya datang bertemu tuan di Kotaraya

Tun Razak berucap di Majlis Jamuan Makan Malam yang diberikan oleh Tuan Chou En-lai di mana Tun telah menyebut tentang zaman baharu mengenai hubungan di antara Malaysia dengan China. Berdiri di sebelah Tun ialah Encik Ubaidellah Dato Haji Mohamed, jurubahasa.





Tun Abdul Razak dan Tuan Chou En-lai bertemu di Dewan Besar Rakyat sebelum Majlis Jamuan Makan yang diberikan untuk menghormati Tun Razak.

Peking ini untuk memulakan babak sejarah yang baharu, menempa tali perhubungan persahabatan yang tulin dan berkekalan setelah pengalaman-pengalaman di masa lalu.

Dalam beberapa tahun akhir-akhir ini, kita sama-sama melihat perkembangan-perkembangan positif di dalam arena politik internasional, mencerminkan semangat muhibbah dan saling menghormati. Sumbangan negara tuan ke arah ini amatlah besar dan berkesan. Oleh yang demikian, amatlah penting keadaan ini dipupuk dan dipelihara agar mendatangkan hasil-hasil yang lebih bermanfaat kepada kita sekalian.

Bagaimanapun, pertikaian-pertikaian yang berlaku di gelanggang politik internasional hari ini tidaklah lepas dari perhatian kita, terutama sekali bagi negara-negara di rantau Asia Tenggara yang melihat pengalaman-pengalaman pahit dan menjadi mangsa peperangan selama lebih tiga puluh tahun. Hari inipun harapan damai di rantau ini masih belum dapat ditentukan.

Oleh yang demikian, amatlah penting dan mustahak kita berbuat apa yang boleh untuk mewujudkan keadaan aman damai itu. Kami di Malaysia telah memilih jalan kerjasama dalam hubungan internasional, dan tidak jalan pertikaian. Dasar luar negara kami adalah bertujuan hendak mengelakkan ketegangan, memperkukuh hubungan kerjasama internasional dan menimbulkan kesedaran yang lebih mendalam tentang kepentingan bersama setiap negara dalam suasana aman damai, keadilan dan haksama internasional.

## Suasana Damai

Malaysia dan juga negara-negara jirannya di Asia Tenggara sedang mengambil langkah pertama ke arah membebaskan rantau ini dari ancaman perang yang berpanjangan. Kami bersama-sama menginsafi bahawa sekiranya kami tidak berusaha mengadakan suasana damai di rantau ini, orang-orang lain tentu tidak akan berbuat demikian untuk faedah kami. Cadangan untuk menjadikan kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali yang dikemukakan oleh negara-negara ASEAN merupakan satu rangka dalam mana kami berharap akan mencapai kebebasan, kedamaian yang kekal dan kemakmuran bagi rantau ini.

Jalan di hadapan kami adalah sukar dan sulit tetapi oleh kerana cadangan ini ialah untuk kepentingan semua dan tidak menapikan hak sesiapa, saya percaya kami akan mencapai kejayaan. Kami sedar dalam perjalanan yang berliku-liku untuk negara-negara Asia Tenggara menentukan haknya di dunia ini, setiakawan dan bantuan negara-negara sahabat akan meringankan bebanan kami mencapai hasrat dan cita-cita yang suci itu.

Dari segi sejarah, Republik Rakyat China telah banyak memberi sumbangan kepada rantau Asia Tenggara ini. Saya yakin dan percaya bahawa pada hari ini Republik Rakyat China boleh memainkan peranan yang penting dan berguna dengan semangat saling persefahaman dan muhibbah, demi kepentingan keamanan dan keharmonian di Asia Tenggara. Dalam keadaan yang telah berubah dan semakin complex, kami di Malaysia mengalu-alukan perkembangan hubungan antara kita, yang berdasar kepada hasrat persahabatan yang

## **Majlis Jamuan Makan diberi Oleh Tun Abdul Razak**

tulin. Oleh itu, di saat kita membaharui serta memperkukuh semula hubungan antara kedua negara dengan kunjungan saya ke mari, saya penuh yakin kedua negara kita boleh menyumbangkan kepada kepentingan memupuk rasa per-sefahaman itu. Dengan semangat itulah saya memandang ke arah masadepan yang lebih cerah dan bahagia.

Sekarang saya dengan sukacita meminta tuan-tuan bangun untuk minum ucap selamat:

- kepada Pengerusi Mao Tse-tung;
- kepada Pemangku Pengerusi Republik Rakyat China, Tung Pi-wu ;
- kepada Perdana Menteri Chou En-lai ;
- kepada kemakmuran negara dan rakyat China ;
- kepada persahabatan antara rakyat Republik Rakyat China dan rakyat Malaysia semoga hubungan ini terus berkekalan.


— **Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dalam Majlis Makan yang diberikan oleh Tuan Chou bagi meraikan beliau pada 28 Mei, 1974.**

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih atas kesudian tuan Naib Perdana Menteri menghadiri majlis malam ini. Seterusnya, saya mengucapkan terimakasih dan mengalu-alukan kehadiran para jemputan yang mulia dan sahabat yang memberi kami penghormatan pada malam ini. Saya dukacita Perdana Menteri Chou En-lai tidak dapat hadir bersama kerana beliau kurang sihat.

Tiga malam yang lalu, dalam Dewan yang berbahagia ini, saya antara lain telah menyebut tentang rintangan perasaan dan fikiran yang mesti dilalui, walau bagaimana hebat sekalipun, agar rakyat kedua-dua negara kita dapat menjalin semula perhubungan sejarah yang lama itu.

### **Landasan Perpaduan**

Selama saya berada di Peking ini saya bukan sahaja telah dapat berunding dengan pembesar-pembesar di sini khasnya Pengerusi Mao dan Perdana Menteri Chou dengan cara ikhlas dan berterus-terang bahkan telah mendapat sambutan yang mesra dan meriah di mana-mana sahaja saya pergi. Oleh itu, saya yakin dan percaya kita telah berjaya merobohkan halangan-halangan yang telah memisahkan kita sekian lama itu. Apa yang berlaku tidak dapat dikatakan lagi, namun kita berazam menghadapi masa kini dan masadepan dengan perasaan bebas dari curiga dan syak wasangka. Proses mengenal dan memahami satu sama lain dengan baik akan mengambil masa. Ini tidaklah menghairankan ataupun patut dikesalkan. Apa yang lebih penting dan mustahak ialah kita harus mara ke hadapan.



Marilah kita meletakkan batu asas, keping demi keping, supaya menjadikan tapak landasan persahabatan yang kekal abadi untuk rakyat kedua negara kita.

Lawatan saya sejak sampai ke mari amatlah menggemirakan. Saya merasa bertuah dapat bertemu dan berbincang dengan Pengerusi Mao Tse-tung mengenai perkara-perkara yang meliputi bidang rangka yang luas, dan menyentuh cabaran-cabaran serta peluang-peluang terbuka di hadapan mengenai negara kita dan juga dunia. Saya sangat tertarik hati dan berterimakasih kerana perbincangan itu telah diadakan dalam suasana yang jujur dan berterusterang. Meskipun kedua-dua negara kita mempunyai sistem pentadbiran dan sosial yang berlainan tetapi sebenarnya kita mempunyai kepentingan bersama dan tujuan yang sama pula.

Dalam perbincangan saya dengan Perdana Menteri Chou, saya merasa amat puas hati dengan hasil-hasil yang dicapai. Saya sangat berterimakasih kepada Perdana Menteri Chou atas penjelasan-penjelasan yang begitu terang dan nyata mengenai sikap dan pandangan negara ini atas perkara-perkara yang penting kepada kita bersama. Begitu juga di pihak saya, seberapa yang boleh telah dapat menerangkan pendapat dan pandangan kami mengenai perkembangan-perkembangan di Asia Tenggara ini. Pengeritian dan persefahaman yang dihasilkan oleh pertemuan ini, saya yakin akan memupuk serta mempererat hubungan negara kita.

Perhubungan yang terjalin hari ini boleh diibaratkan sebagai pohon yang baharu saja tumbuh dan tentulah menjadi



tugas kita bersama menjamin pohon itu dipupuk supaya segar dan kuat demi kebajikan rakyat kita bersama dan juga sahabat-sahabat lain yang mempunyai hubungan dengan negara kita. Malaysia dan Republik Rakyat China mempunyai hubungan dagang yang makin meluas. Begitu juga di lapangan sukan dan di lain-lain lapangan. Oleh yang demikian, ikatan muhibbah ini hendaklah dijaga sebaik-baiknya agar benar-benar membawa manfaat kepada kita bersama. Perasaan bimbang dan curiga tidak seharusnya memisahkan kita seperti di masa lampau.

Menyedari hakikat inilah dan juga keyakinan kita akan perkembangan tali persahabatan di masa hadapan, maka pada malam ini kita merayakan keputusan kedua-dua Kerajaan mengadakan hubungan diplomatik antara kedua negara. Inilah kemuncak daripada perbincangan-perbincangan kita dalam beberapa hari sejak ketibaan saya di sini, yang mencerminkan hasrat serta harapan tinggi kita menjalin tali persahabatan yang berkekalan.

### **Singkat Tetapi Kekal**

Meskipun lawatan saya singkat menurut ukuran masa, namun hasilnya dalam memupuk persefahaman dan ikatan muhibbah akan kekal untuk zaman berzaman. Bagi diri saya sendiri, lawatan ini mempunyai makna yang besar dan saya percaya ahli-ahli rombongan saya juga tidak akan melupakan lawatan bersejarah ini. Kami telah dapat bertemu dengan rakyat negara ini dari berbagai golongan; kami telah juga melihat unsur-unsur sejarah yang penting serta menikmati layanan yang begitu ramah mesra, yang mana akan kekal dalam ingatan untuk selama-lamanya.

Lawatan ke Tsinghua Universiti (Universiti Sains dan Kejuruteraan) adalah sebahagian dari rancangan lawatan Tun Razak di Peking. Penuntut-penuntut telah menyambut ketibaan Tun dan rombongannya dengan kata-kata "selamat datang, selamat datang". Tun Razak kemudian telah dipersembahkan dengan lagu-lagu dan tarian rakyat oleh penuntut-penuntut. Kiri: Tun Razak, sedang menyaksikan sebuah tarian rakyat.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, telah mengadakan pertemuan di luar jadual dengan Pengerusi Mao Tse-tung di Peking. Mereka telah berbincang selama 90 minit mengenai berbagai-bagai perkara, terutamanya mengenai perkembangan-perkembangan di rantau ini. Mereka juga berbincang mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Gambar menunjukkan Pengerusi Mao menyambut Tun di bilik mentelaahnya.





Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Tuan Chou En-lai menandatangani Kenyataan Bersama untuk menubuhkan hubungan diplomatik sepenuhnya di antara Malaysia dengan China. Berdiri di belakang mereka ialah wakil-wakil dari kedua-dua negara sebagai saksi kepada upacara bersejarah ini.

Tun Razak dan anggota-anggota rombongannya di Permakaman Raja-Raja Ming. Mereka telah dibawa melawat ke beberapa bahagian permakaman itu termasuk istana di bawah tanah yang mengandungi lima buah bilik bersambung-sambung, kesemuanya diperbuat daripada batu tanpa menggunakan kasau atau tiang.

Dalamasa kunjungan beliau ke Negeri China, Tun Razak telah melawat beberapa tempat bersejarah termasuk Tembok Besar dan Permakaman Raja-Raja Ming. Di Tembok Besar China, kira-kira 60 batu dari Peking, Tun Razak telah mendaki tembok itu melampaui Kubu No. 3 iaitu setinggi 250 ela. Beberapa orang anggota rombongan Tun tidak terdaya mendakinya. Tun Razak dengan rombongannya kelihatan di Tembok Besar.





Adalah harapan saya semoga tali persahabatan yang baharu terjalin ini akan menjadi lebih teguh dan erat di masa akan datang.

Dengan semangat itulah pula saya menjemput tuan-tuan sekalian bangun untuk minum ucap selamat:

- kepada Pengerusi Mao Tse-tung
- kepada Pemangku Pengerusi Republik Rakyat China, Tung Pi-wu
- kepada Perdana Menteri Chou En-lai
- kepada Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien
- kepada semua daif-daif terhormat yang hadir
- kepada kemakmuran negara dan rakyat China;
- kepada persahabatan antara rakyat Republik Rakyat China dan rakyat Malaysia semoga hubungan ini terus berkekalan.

— **Tun Abdul Razak**  
di Majlis Jamuan Makan yang  
diberikan oleh beliau bagi meraikan  
pemimpin-pemimpin China di  
Dewan Besar Rakyat, Peking  
pada 31 Mei, 1974.

## **Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien Membalas Ucapan Tun Razak**

Malam ini saya sangat gembira atas nama Perdana Menteri Chou En-lai menghadiri majlis makan yang meriah yang diadakan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, dan dengan tulus ikhlas mengucapkan terimakasih atas ucapannya yang bersahabat tadi.

Lawatan Perdana Menteri Tun Abdul Razak ke negeri kami kali ini telah mencapai kejayaan-kejayaan yang sempurna dan memuaskan. Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah menemui Pengerusi Mao Tse-tung, dan mengadakan percakapan-percakapan yang bersahabat dan berterus-terang, dan telahpun mengadakan rundingan-rundingan yang bersahabat dengan Perdana Menteri Chou En-lai dan saya sendiri atas masalah-masalah yang menjadi perhatian bersama dari kedua belah pihak. Hari ini, kedua-dua Perdana Menteri telah memeteraikan Kenyataan Bersama antara kedua Kerajaan kita, sehingga hubungan antara kedua negara China dan Malaysia telah dinormalkan dan hubungan diplomatik antara kedua negara telahpun terjalin secara rasmi. Oleh yang demikian, hubungan antara kedua negara kita telah memasuki suatu peringkat yang baharu. Saya atas nama Kerajaan dan rakyat China mengucapkan tahniah yang hangat.

China dan Malaysia sama-sama adalah negara yang sedang berkembang dan tergolong dalam dunia ketiga. Kedua-dua negara kita menentang hegemonisma kuasa besar. Saya yakin mendalam bahawa sungguhpun sistem sosial dari kedua-dua negara kita berlainan antara satu sama lain, namun hubungan persahabatan antara kedua negara kita akan mendapat perkembangan yang terus



Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou berjabat tangan selepas menandatangani Kenyataan Bersama yang merasmikan penubuhan hubungan diplomatik sepenuhnya antara Malaysia dan China di Dewan Besar Rakyat di Peking.

menerus di atas dasar lima prinsip hidup bersama dengan aman damai. Rakyat kedua-dua negara kita pastilah akan bersahabat terus turun-temurun.

Kerana sebab-sebab sejarah, maka terdapat orang-orang keturunan China dalam bilangan yang sangat besar bermastautin di Malaysia dan lain-lain negara Asia Tenggara. Dasar Kerajaan China yang berkaitan dengan masalah ini adalah tetap dan tegas. Kami menggalakkan mereka dengan kerelaan sendiri mengambil kewarganegaraan dari negara-negara di mana mereka bermastautin. Sesiapa yang berketurunan China yang dengan kerelaannya sendiri telah mengambil atau mendapat kewarganegaraan dari negara-negara di mana mereka bermastautin, maka kewarganegaraan China dari mereka hilang secara automatik. Kami ingin melihat mereka memberi sumbangan kepada negara yang mereka bermastautin dan berusaha untuk mempereratkan persahabatan antara rakyat China dan rakyat negara-negara yang mereka bermastautin. Adapun perantau-perantau yang dengan kerelaannya sendiri memegang terus kewarganegaraan China, kami mewajibkan mereka itu mematuhi undang-undang negara yang mereka bermastautin dan berbaik-baik dengan rakyat di negara itu. Hak-hak dan kepentingan-kepentingan adil mereka akan mendapat perlindungan dari Kerajaan China. Dasar-dasar kami tersebut telah difahami dan dipercayai oleh negara dan rakyat yang kian banyak.

Sahabat-sahabat dan kawan-kawan:

Besok, Perdana Menteri Tun Abdul Razak akan meninggalkan Peking dan melawat ke Shanghai. Kami

mengharapkan semoga Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan tetamu-tetamu agung lainnya bergembira dalam perjalanan. Sampaikanlah perasaan persahabatan dan salam muhibbah rakyat China kepada rakyat berbilang bangsa di Malaysia sesudah tuan balik.

Sekarang saya usulkan minum selamat:

- untuk persahabatan tradisional rakyat kedua negara China dan Malaysia dan perkembangan lebih lanjut hubungan bersahabat antara kedua negara;
- untuk kemakmuran Malaysia dan kesejahteraan rakyatnya;
- untuk kesihatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah;
- untuk kesihatan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri, Tun Abdul Razak;
- untuk kesihatan tetamu-tetamu agung Malaysia;
- untuk kesihatan diplomat-diplomat berbagai negara serta isteri-isteri mereka yang hadir; dan
- untuk kesihatan sahabat-sahabat dan kawan-kawan yang hadir.

— **Tuan Li Hsien-nien**  
di dalam Majlis Makan yang  
diadakan oleh Tun Abdul Razak  
pada 31 Mei, 1974.

# Kenyataan bersama Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China

Atas undangan Tuan Yang Terutama Chou En-lai, Perdana Menteri Majlis Negara, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia, telah melawat Republik Rakyat China dari 28hb Mei hingga 2hb Jun, 1974. Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah diiringi oleh wakil parti-partai politik Kerajaan serta pegawai-pegawai Kerajaan.

Dalam lawatannya, Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah bertemu dengan Pengerusi Mao Tse-tung dan menyampaikan ucapan selamat bahagia Kerajaan Malaysia kepadanya. Mereka telah bertukarfikiran dalam suasana persahabatan dan dengan berterus-terang.

Perdana Menteri Chou En-lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien dan Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah mengadakan pertukaran fikiran yang luas meliputi berbagai-bagai perkara berkenaan dengan perhubungan antara dua pihak, serantau dan antarabangsa. Pertukaran fikiran ini telah diadakan dengan berterus-terang dan dalam suasana persahabatan. Kedua-dua Perdana Menteri bersetuju bahawa dalam tahun-tahun kebelakangan ini keadaan di Asia telah mengalami perubahan-perubahan mendalam yang membawa kebaikan kepada rakyat kesemua negara. Adalah selaras dengan kepentingan-kepentingan rakyat negara-negara China dan Malaysia untuk menjalin perhubungan antara kedua negara. Untuk memenuhi tujuan ini, kedua-dua Perdana Menteri telah mengambil keputusan mengumumkan perjalinan hubungan di antara negara-negara mereka dengan mengeluarkan Kenyataan Bersama ini.

1. Kerajaan Republik Rakyat China dan Kerajaan Malaysia, dengan tujuan untuk mengukuhkan tali persahabatan tradisional di antara rakyat kedua negara, telah mengambil keputusan untuk saling mengiktiraf kerajaan-kerajaan mereka masing-masing dan menubuhkan hubungan diplomatik

bermula daripada tarikh Kenyataan Bersama ini diumumkan.

2. Kedua-dua Kerajaan berpendapat bahawa walaupun sistem-sistem sosial di Republik Rakyat China dan di Malaysia adalah berlainan, ini tidaklah menjadi halangan kepada kedua-dua Kerajaan serta rakyatnya mengujudkan dan mengukuhkan hubungan dalam suasana aman-damai serta perasaan persahabatan antara kedua-dua negara berasaskan prinsip saling hormat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah sesebuah negara, tidak ceroboh-mencerobohi, saling tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri masing-masing, mempunyai persamaantaraf serta faedah bersama, dan hidup bersama dengan aman damai. Kedua-dua Kerajaan berpendapat bahawa semua pencerobohan, campurtangan, penaklukan serta kegiatan subersif oleh kuasa asing adalah diharamkan. Mereka berpendapat bahawa sistem sosial sesebuah negara itu mestilah dipilih dan ditetapkan hanya oleh rakyat negara itu sendiri. Mereka menentang sebarang percubaan oleh mana-mana negara atau sekumpulan negara-negara yang hendak mengujudkan kawasan lengkongan kuasanya atau membentuk kawasan di bawah pengaruhnya di mana-mana sahaja di dunia ini.
3. Kerajaan Malaysia mengiktiraf Kerajaan Republik Rakyat China sebagai Kerajaan yang tunggal dan sah bagi negeri China, dan mengakui pendirian Kerajaan China bahawa Taiwan adalah sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat China yang tidak boleh dipisahkan. Kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk menutup konsulatnya di Taipei.
4. Kerajaan Republik Rakyat China mengiktiraf Kerajaan Malaysia serta menghormati kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia.



Tun Razak dan beberapa orang anggota perwakilan Malaysia sedang melihat pakaian yang dibuat dari batu jade disulam dengan benang emas yang digunakan dalam pengebumian Putera Liu Sheng 2,000 tahun lalu. Ini adalah salah satu bahan yang paling menarik dipamerkan di Muzium Istana, Peking.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, kelihatan berjalan di dalam kawasan Muzium Istana yang dahulunya merupakan istana diraja bagi keturunan Ming dan Ching. Tempat ini juga biasanya dikenali sebagai Kota Larangan.



## Perutusan Kepada P. M. Chou

5. Kerajaan Republik Rakyat China mengambil perhatian bahawasanya Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang penduduknya terdiri dari kaum-kaum berketurunan Melayu, China dan lain-lain. Kedua-dua Kerajaan Republik Rakyat China dan Kerajaan Malaysia mengisytiharkan bahawa mereka tidak mengiktiraf dua kewarganegaraan. Berlanjutan dengan prinsip ini, Kerajaan China berpendapat iaitu sesiapa jua berketurunan China yang telah mengambil dengan kerelaannya sendiri atau mendapat kewarganegaraan Malaysia maka dengan secara automatik hilanglah kewarganegaraan China bagi dirinya. Untuk mereka yang bermastautin di Malaysia dan yang dengan kerelaannya sendiri terus memegang kewarganegaraan China, Kerajaan China selaras dengan dasarnya yang tidak berubah, akan mewajibkan mereka itu mematuhi undang-undang Kerajaan Malaysia, menghormati adat-resam dan kebiasaan rakyatnya dan hidup berbaik-baik dengan mereka. Hak-hak serta kepentingan-kepentingan mereka yang berpatutan akan dilindungi oleh Kerajaan China dan akan dihormati oleh Kerajaan Malaysia.

6. Perdana Menteri Chou En-lai dan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bersetuju bahawa kedua-dua Kerajaan, sesuai dengan amalan antarabangsa akan saling memberi segala bantuan yang dianggap perlu untuk menubuh serta menjalankan tugas-tugas kedutaan di ibunegara masing-masing, dan bahawa Duta Besar masing-masing akan mengambil tempat mereka dengan secepat mungkin.

t.t.

t.t.

TUN ABDUL RAZAK BIN

CHOU EN-LAI

DATUK HUSSEIN

Perdana Menteri, Majlis Negara

Perdana Menteri, Malaysia.

Republik Rakyat China.

Peking, 31 Mei, 1974.

Dalam perjalanan saya pulang meninggalkan bumi China pagi ini, izinkanlah saya sekali lagi mengucapkan kepada tuan Perdana Menteri, dan melalui tuan kepada Kerajaan dan rakyat China betapa saya menghargai penghormatan dan budi yang telah diberikan kepada saya dan juga anggota-anggota perwakilan saya sepanjang lawatan kami.

Kemesraan dan layanan yang diberikan kepada kami di mana-mana jua kami pergi sungguh mengharukan perasaan kami.

Saya berasa gembira kerana mendapat peluang menemui Pengerusi Mao Tse-tung serta berbincang dengan terus-terang dan panjang lebar dalam suasana persahabatan, dengan tuan dan para pemimpin China yang lain mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Lawatan saya ini bukan sahaja bertujuan untuk melihat kesan-kesan sejarah negeri China tetapi juga untuk menyaksikan serba sedikit kegiatan-kegiatan ekonomi, kebudayaan dan pelajarannya yang melambangkan keteguhan dan disiplin rakyat China.

Bagi diri saya lawatan ini adalah satu lawatan yang bersejarah dan paling berjaya. Kepulangan saya membawa kepercayaan iaitu apa yang telah tercapai beberapa hari yang lalu akan menjadi asas persahabatan yang abadi di antara kedua-dua negara dan rakyat kita.

Saya sekali lagi mengucapkan semoga tuan berada dalam sihat sejahtera serta menyampaikan salam muhibbah saya kepada rakyat China.

— Perutusan ini dihantar oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, kepada Perdana Menteri Chou En-lai di Peking dari kapal terbang MAS ketika berlepas dari Lapangan Terbang Shanghai menuju tanahair.

# Lawatan Yang Berjaya

## Kenyataan Oleh Y.A.B. Perdana Menteri Tun Abdul Razak sekembalinya Ke Kuala Lumpur dari Negeri China pada 2 Jun, 1974

Saya baharu sahaja pulang dari lawatan kami yang bersejarah ke Peking. Saya berasa gembira menyatakan bahawa kita telah berjaya memupuk hubungan yang baharu dengan Republik Rakyat China, iaitu satu hubungan yang saya percaya bukan sahaja memberi faedah kepada kedua-dua negara kita tetapi juga memberi sumbangan kepada usaha mewujudkan keamanan di Asia Tenggara dan rantau Asia. Kita telah menubuhkan hubungan diplomatik penuh dengan negeri China dan Duta Besar masing-masing akan mengambil tempat mereka tidak lama lagi.

Sebagaimana saya nyatakan sebelum saya berlepas dahulu, penubuhan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China merupakan kemuncak dayausaha dasar luar kita yang bermula bulan September 1970. Tidak ada kejayaan yang lebih cemerlang daripada ini serta penerimaannya di kalangan antarabangsa. Dasar luar kita mengenai persahabatan, perkecualian dan regionalism telah mula diterima oleh dunia sebagai usaha yang membina, berkemajuan dan patut diberi sokongan. Kita boleh berbangga dengan kejayaan kita dalam bidang hal ehwal antarabangsa.

Semasa saya berada di negeri China, saya telah mendapat kesempatan menemui dan bertukar-tukar pendapat dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai serta para pemimpin China yang lain. Pertemuan dan pertukaran pendapat itu adalah amat berfaedah dan patut ditegaskan yang kita sekarang saling memahami dengan lebih mendalam antara satu sama lain serta dasar-dasar negara masing-masing. Di mana jua saya melawat, saya telah disambut dengan penuh kemesraan dan rasa persahabatan. Ini menunjukkan keinginan yang tulin rakyat negeri China dan juga pemimpin-pemimpin mereka menubuhkan hubungan yang bererti dengan negara dan rakyat kita serta menghormati kita. Kita telah membuka lembaran yang bernas ke arah peringkat perhubungan yang baharu yang bukan berasaskan kebimbangan dan syak wasangka tetapi

berdasarkan persefahaman dan muhibbah yang lebih baik dan mendalam.

### Ulasan Mengenai Pernyataan Bersama

Pernyataan Bersama yang telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Chou En-lai dan saya sendiri di Peking di akhir lawatan saya mengandungi persetujuan-persetujuan yang telah kita capai termasuk prinsip-prinsip umum yang akan menjadi garis panduan hubungan Sino-Malaysia di masa yang akan datang. Saya percaya tuan-tuan telahpun mengkaji pernyataan yang dikeluarkan di Peking pada 31 Mei. Peruntukan-peruntutannya adalah mudah dan jelas, walaubagaimanapun saya ingin menerangkannya sedikit.

Pernyataan itu meliputi dua perkara yang penting. Yang pertama meliputi prinsip-prinsip hubungan Sino-Malaysia. Yang kedua pula meliputi peraturan-peraturan Sino-Malaysia mengenai soal kewarganegaraan orang-orang berketurunan China yang bermastautin di Malaysia.

Prinsip-prinsip hubungan antarabangsa Sino-Malaysia diliputi dalam pernyataan tersebut oleh perenggan-perenggan satu hingga empat. Mula-mulanya ia menyebut tentang saling pengiktirafan kerajaan masing-masing dan penubuhan hubungan diplomatik. Ia menyentuh pegangan masing-masing kepada lima prinsip hidup bersama secara aman damai. Ia dengan khususnya menarik perhatian bahawa kedua-dua negara saling menentang pencerobohan, campurtangan, penaklukan dan kegiatan subersif oleh kuasa-kuasa asing serta penubuhan kawasan lingkungan kuasa atau kawasan pengaruh di mana-mana sahaja di dunia ini. Selanjutnya ia menyentuh tentang hak sesebuah negara itu mempunyai sistem sosial yang dipilih dan ditetapkan hanya oleh rakyat negara itu sendiri tanpa sebarang campurtangan kuasa asing. Selain daripada itu Republik Rakyat China mengiktiraf Kerajaan Malaysia, mengakui kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia sementara Malaysia pula mengiktiraf

Bersama-sama dengan tuanrumah,  
Tun Razak menghadiri konset yang  
diselenggarakan oleh Jawatankuasa  
Revolusi Perbandaran Peking.



Kerajaan Republik Rakyat China sebagai Kerajaan tunggal negeri China yang sah serta mengakui bahawa Taiwan ialah sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat China yang tidak boleh dipisahkan.

Prinsip-prinsip tersebut mempunyai kesan-kesan yang jauh terhadap hal ehwal dalam negeri dan luar kita. Pengerusi Mao dan Perdana Menteri Chou serta para pemimpin China yang lain telah memberi jaminan dengan tegasnya bahawa mereka mensifatkan saki-baki penganas komunis di negara kita sebagai masalah dalam negeri yang terpulanglah kepada kita sendiri mengatasinya dengan cara yang kita fikirkan sesuai. Republik Rakyat China telah menegaskan bahawa sistem sosial di sesebuah negara itu adalah menjadi hak rakyat negara tersebut memilih dan menetapkannya. Sistem sosial kita telah dipilih secara bebas oleh rakyat kita sendiri berasaskan ideologi negara iaitu Rukunegara yang patut diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia yang taat setia. Perjuangan penganas komunis mewujudkan secara paksa satu sistem lain yang ditentang oleh rakyat kita, adalah sia-sia belaka. Republik Rakyat China mengiktiraf Malaysia serta kemerdekaan dan kedaulatannya. Republik Rakyat China mengutuk sebarang pencerobohan, campurtangan, penaklukan serta kegiatan subersif oleh kuasa asing. Penganas-penganas komunis mendakwa yang mereka memperjuangkan kebebasan. Mereka sebenarnya berjuang menentang kebebasan, menentang kemajuan serta menentang kebajikan rakyat kita dengan meneruskan keganasan yang tidak berperikemanusiaan.

Berhubung dengan hubungan luar negeri kita, saya rasa prinsip-prinsip tersebut di atas menyediakan satu asas yang

teguh bagi hubungan antarabangsa di antara negara-negara. Tuan-tuan tentu mengetahui dasar perkecualian kita. Hubungan kita dengan negeri China akan memberi sumbangan kepada usaha menjayakan matalamat tersebut oleh kerana tanpa penyertaan dan sokongan negeri China, sistem pengecualian di Asia Tenggara tidak akan berjaya. Dalam soal ini biarlah saya menambah bahawa kita sudah pasti berusaha dengan semangat persahabatan bukan sahaja dengan negeri China tetapi juga dengan kuasa-kuasa besar yang lain yang mempunyai kepentingan di dunia sebelah sini seperti Amerika Syarikat, Soviet Union dan Jepun. Prinsip-prinsip tatasusila antara negara yang dipegang oleh Malaysia dan Republik Rakyat China adalah sejajar dengan usaha kita hendak bersahabat dengan semua negara dan mewujudkan keamanan yang abadi di Asia Tenggara.

## Taiwan

Salah satu kesan hubungan kita dengan Republik Rakyat China ialah tamatnya hubungan konsular di antara kita dengan Taiwan. Pejabat konsol kita di Taiwan telahpun ditutup, begitu juga pejabat Konsul Besar Taiwan serta semua pejabat-pejabat Taiwan di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun hubungan "people-to-people" akan diteruskan. Tidak ada halangan bagi rakyat Malaysia pergi ke Taiwan kerana melawat, menguruskan perniagaan persendirian, berdagang dan sebagainya. MAS akan meneruskan perkhidmatannya ke Taipei kerana ini termasuk dalam kategori hubungan "people-to-people".

## Kewarganegaraan

Sekarang saya suka pula menyentuh perkara kedua perjanjian dengan Republik Rakyat China iaitu soal



Kanan: Shanghai telah memberikan sambutan yang hangat kepada Tun Razak — sambutan yang tidak kurang meriahnya dari sambutan yang diterima beliau semasa di Peking. Gambar menunjukkan Tun Razak melambaikan tangannya kepada gadis-gadis yang menari dan menyanyi setibanya di Lapangan Terbang Shanghai.

Tun Razak dan rombongan telah melawat perkampungan (Commune) persahabatan Rakyat China-Korea, yang terletak 15 batu jauh dari pusat bandaraya, di mana mereka telah disambut dengan meriah oleh penduduk-penduduk di situ.

Kiri: Perdana Menteri kelihatan berada di ladang gandum perkampungan itu.

Bawah:

Melawat kilang membuat hasil-hasil seni pertukangan tangan di Peking.





kewarganegaraan. Republik Rakyat China mengiktiraf bahawa sebagai sebuah negara berbilang kaum, kita mempunyai keadaan yang berlainan. Kita sedang cuba membentuk satu bangsa yang bersatu-padu dari kumpulan-kumpulan kaum kita yang berlainan itu. Republik Rakyat China bersimpati dengan usaha kita ke arah matalamat ini dan telah menunjukkan sokongan mereka terhadap usaha itu. Sokongan Republik Rakyat China itu terbayang dengan persetujuannya dalam soal orang-orang berketurunan China di seberang laut. Republik Rakyat China berpendapat nasib orang-orang berketurunan China di seberang laut terletak di tangan negara-negara tempat mereka bermastautin serta rakyat negara-negara tersebut. Mereka hendaklah mematuhi undang-undang negara tersebut, hidup berbaik-baik dengan masyarakat tempatan dan tidak mensifatkan diri mereka terasing. Republik Rakyat China dan Malaysia tidak mengiktiraf dua kewarganegaraan. Orang-orang berketurunan China yang telah mendapat kewarganegaraan Malaysia secara automatik tidak lagi menjadi warganegara China. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa orang-orang yang taat setianya berbelah bagi tidak mempunyai masa depan di Malaysia.

Berhubung dengan orang-orang berketurunan China yang masih belum mempunyai kewarganegaraan Malaysia atau sebuah negara ketiga dan bermastautin di Malaysia, adalah dicadangkan bahawa masalah mereka itu dibincangkan selepas penubuhan hubungan diplomatik. Sekiranya mereka ingin menjadi warganegara Republik Rakyat China, Malaysia akan mengiktiraf mereka, dan mereka hendaklah mempunyai dokumen-dokumen untuk menunjukkan kewarganegaraan mereka dan mengesahkan kedudukan mereka di

Malaysia. Untuk mengurangkan kerumitan dan sejajar dengan undang-undang kita yang ada, kita menegaskan pendirian kita bahawa orang-orang yang bermastautin di Malaysia tetapi tidak mempunyai kewarganegaraan Malaysia boleh terus tinggal di negara ini seperti di masa-masa yang lalu.

### **Kejayaan Kita**

Kita patut berbangga dengan kejayaan yang telah tercapai dengan lawatan ke Republik Rakyat China ini. Keperibadian Malaysia di hari ini telah mencapainya. Setiap kuasa besar di dunia boleh memberi sokongan kepada dasar persahabatan kita kerana ia diarahkan bukan untuk menentang sesiapa, dasar berkecuali kita kerana ia mempunyai pandangan yang jauh, pendirian kita yang tegas kepada regionalism kerana ia membina, dan usaha kita mewujudkan perkecualian serantau kerana ia akan menghasilkan keamanan. Lawatan ini bukan sahaja memberi faedah kepada hubungan antarabangsa kita tetapi juga kepada suasana dalam negeri. Kita adalah rakyat Malaysia dan masadepan kita dan keturunan kita terletak di bumi Malaysia ini. Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah mensifatkan hubungan baharu kita dengan Republik Rakyat China ini sebagai satu perkembangan yang logik dalam dasar luar negara. Kedutaan Republik Rakyat China di Kuala Lumpur hendaklah disifatkan seperti kedutaan-kedutaan asing yang lain. Malaysia sedang berusaha membina sebuah negara yang bersatu-padu berasaskan persamaan taraf, kehormatan dan kebajikan untuk seluruh rakyatnya. Setiap rakyat mempunyai peranan dalam soal ini. Oleh yang demikian marilah kita bersama-sama membentuk masa depan kita.



Atas sekali: Dengan diiringi oleh pembesar-pembesar Shanghai, Tun Razak telah melawat Pameran Perusahaan Shanghai. Di dalam gambar kelihatan Tun Razak sedang bertanya mengenai sebuah dari barang-barang perusahaan yang dipamerkan.

Atas: Pemandangan udara Bandaraya Shanghai.

Kiri: Beribu-ribu kanak-kanak menyambut Tun Razak apabila beliau menghadiri satu majlis Perhimpunan Hari Kanak-kanak Sedunia di Shanghai.



Kiri: Tun Razak dan Tuan Ma Tien-shui, Naib Pengerusi Jawatankuasa Revolusi Perbandaran Shanghai, mengajak minum secara hormat dalam majlis makan malam yang diadakan bagi meraikan Tun Razak di Shanghai. Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien, sedang memerhatikan.

Bawah: Bergambar dengan anggota-anggota kumpulan kebudayaan yang diselenggarakan oleh Biro Kebudayaan Shanghai dalam majlis pertunjukan kebudayaan untuk meraikan Tun Razak di Shanghai.





'Nama Malaysia menjadi harum di seluruh dunia dan keharuman itu tidak pernah mencapai ke peringkat tinggi seperti yang ada sekarang', kata Perdana Menteri kita sekembalinya dari China.

Atas: Tun Razak berucap kepada lebih 50,000 orang dalam rapat raksaksa Barisan Nasional di padang Kuala Lumpur. Bawah: Teriakan 'Berjaya' dari mereka yang hadir.



Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, melawat rancangan perkampungan (commune) persahabatan Rakyat China-Korea, yang jauhnya lebihkurang setengah jam berkereta dari bandaraya Peking, di mana beliau telah diberi sambutan yang meriah oleh penduduk-penduduk di situ. Lebih 1,000 orang peserta rancangan itu telah berbaris di sepanjang jalan mengalu-alukan

ketibaan Tun dan rombongannya. Para belia dan beliawanis mempersembahkan tarian selamat datang sementara orangramai mengibarkan bunga-bunga dan bendera sambil mengucapkan "selamat datang, selamat datang," Tun Razak melambai-lambaikan tangannya kepada orangramai.

